

26/06/2002

Pemahaman sebenar Islam penentu kemajuan bangsa

Jahamy

PENGUMUMAN Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk meletak jawatan dalam parti dan Barisan Nasional (BN) ketika ucapan penggulungannya pada Perhimpunan Agung Umno, Sabtu lalu, mengejutkan seluruh Negara.

Adalah menjadi sangkaan ramai bahawa jika ahli Majlis Tertinggi (MT) tidak menerpa ke arah beliau, mungkin Dr Mahathir akan membuat pengumuman turut meletakkan jawatan Perdana Menteri pada masa yang ditentukan.

Sekiranya ini berlaku, bermakna Malaysia akan kehilangan seorang pemimpin yang bukan saja berkaliber dan beraneka kebolehan tetapi ikhlas dalam menjalankan tugasnya.

Memang tidak ada pemimpin yang akan kekal selama-lamanya. Sebagai makhluk Allah, kita diberikan tempoh tertentu untuk mengatur kehidupan kita, sama ada sebagai hamba-Nya yang mengikuti jalan-Nya yang benar atau sebagai manusia yang mengundang kemurkaan Allah.

Inilah dua jalan yang kita boleh pilih di dunia ini. Pemilihan jalan ini berlaku setiap saat menerusi tindakan dan perlakuan kita setiap hari di dalam kehidupan.

Umpamanya, jika kita diberi tugas sebagai pemimpin politik, adakah kita berbohong kepada rakyat dan memporak-perandakan masyarakat atau menggunakan tenaga dan jawatan untuk kebaikan ummah? Masyarakat Melayu baru saja melalui satu pengalaman politik yang amat pahit dalam sejarah politik Melayu.

Keganasan, pembohongan, cacian dan penghinaan sesama saudara seagama sudah dijadikan sebagai suatu yang lumrah dalam kegiatan berpolitik.

Budaya Melayu yang dicirikan dengan sopan santun, sudah cuba diselewengkan kepada budaya mencarut dan memaki-hamun dengan alasan agama Islam membenarkannya.

Biar ummah berpecah asalkan orang politik dapat mengekalkan kedudukan politik mereka. Begitu hebat dan kuatnya nafsu berpolitik sehingga syaitan berjaya membisik ke dalam telinga segelintir orang Melayu untuk berbohong dengan nama Allah dan Rasul-Nya. Rasa takut kepada Allah diganti dengan rasa takut kepada kehilangan kuasa politik.

Walaupun Allah sudah dengan jelas berfirman dalam surah Hud ayat 18 dan 19 sebagai peringatan kepada kita, namun ada antara kita lebih mempercayai manusia jahat yang bertopeng sebagai warak daripada Allah sendiri.

Firman Allah bermaksud: "Dan siapakah yang lebih zalim daripada orang yang mengada-adakan dusta terhadap Allah? Mereka itu akan dikemukakan kepada Tuhan mereka, dan saksi-saksi berkata: Mereka itulah orang yang berdusta terhadap Tuhan mereka. Ingatlah, laknat Allah adalah ke atas orang yang zalim (iaitu) orang yang menghalangi daripada jalan Allah, dengan mengehendaki, supaya jalan itu menjadi bengkok, sedang mereka itu ingkar akan akhirat."

Orang Melayu harus mahu bangun daripada didodoi oleh ceramah politik yang memuaskan nafsu kebencian, fitnah dan mempersendakan orang lain. Orang yang melempar pembohongan dan memfitnah orang lain akan menerima azab yang sepatutnya dalam dunia ini dan di akhirat.

Ini adalah janji Allah. Sekiranya kita sibuk menyembah nafsu kita, maka syaitan akan berjaya memperdaya diri kita sehingga kita menjadi umat yang daif, berpecah, lemah, bodoh dan mundur.

Akhirnya, kita akan diganti oleh umat yang lebih baik daripada kita. Oleh yang demikian, masyarakat Melayu harus sedar bahawa politik yang tidak terbatas oleh hudud-hudud (had-had) Allah akan menjahanamkan

masyarakat itu sendiri. Buka mata dan lihat pada tanda-tanda yang ditunjuk oleh Allah.

Sekiranya kita buka mata, kita akan lihat bahawa pada asasnya politik DAP berasaskan kepada slogan 'Malaysian Malaysia'. Setuju atau tidak pada slogan itu, ia boleh membawa pelbagai tafsiran.

Namun, politik DAP tidak pula membawa kepada perpecahan umat Melayu atau masyarakat Malaysia sehingga timbulnya kebencian antara rakyat. Ini amat berbeza dengan kaedah politik Pas yang ceramah mereka dipenuhi penyemaian kebencian di dalam sanubari masyarakat Melayu.

Begitupun, kita harus menggunakan kaedah kasih sayang dalam menyedarkan ahli Pas mengenai rahmat berurusan sesama manusia berdasarkan ihsan. Sehingga hari ini, selain ungkapan bahasa Arab atau pengeliruan ajaran Allah dan Rasul-Nya, dapatkah kita mencari suatu sumbangan positif Pas kepada masyarakat Melayu atau rakyat Malaysia amnya?

Senjata Pas ialah agama. Pas sudah menunjukkan bahawa ia sedar agama adalah 'Taming Sari' yang berkesan untuk berhadapan dengan pengundi Melayu.

Begitu ramai pula manusia yang menganggap agama adalah sesuatu yang sensitif yang hanya boleh dibicara oleh golongan tertentu atau Pas.

Minda rakyat seperti ini menguntungkan Pas kerana mereka dapat memperdayakan orang yang jahil dan yang takut untuk mengetengahkan kebenaran ajaran Allah.

Orang politik Umno pula, pada amnya, beranggapan menyentuh isu agama adalah suatu risiko politik yang besar. Di dalam suasana seperti ini, bagaimanakah Melayu dapat diselamatkan daripada dakyah agama yang dicanang oleh pihak yang tidak bertanggungjawab?

Memang Dr Mahathir tidak akan kekal selama-lamanya sebagai pemimpin, namun tidakkah rakyat mahu mengenali wawasan pemimpin mereka sewaktu beliau masih bersama mereka?

Menilai dan mengukur kewibawaan seorang pemimpin memang menjadi tugas rakyat yang bertanggungjawab. Ini tidak sama dengan mengutuk dan menghina atau buta terhadap jasa-jasa beliau.

Umat yang tidak mengenali pemimpin berjasa di kalangan mereka adalah umat yang amat malang kerana syaitan boleh terpilih oleh mereka. Sekiranya kita melihat dengan hati, kita akan dapati bahawa Dr Mahathir adalah seorang ulul amri yang berani memperkatakan perkara yang benar terhadap ajaran Allah walaupun umum mempercayai sesuatu yang berlainan.

Walaupun ada golongan angkuh yang cuba untuk menidakkan hak seorang Muslim untuk menyampaikan ajaran Allah kepada mereka yang mahu menerimanya, Dr Mahathir tidak pernah berundur.

Antara persoalan yang timbul sekarang ialah selepas Dr Mahathir, siapakah yang berani berdepan dengan 'firaun-firaun' yang mahu memperluaskan kuasa mereka dengan memperalatkan sentimen agama?

Ini adalah persoalan yang sangat penting kerana tahap pemahaman terhadap agama Islam akan menentukan jatuh bangunnya umat Melayu. Jika mereka salah faham, jatuhlah mereka, jika faham dengan betul, maka Melayu berpotensi menjadi bangsa yang berjaya di dunia ini. Musuh-musuh Melayu dan Islam mengetahui hakikat ini.

Oleh yang demikian, jelas bahawa masih ada cabaran yang perlu dilalui oleh masyarakat Melayu dan Malaysia.

Dalam suasana seperti inilah, rakyat gelisah dengan peletakan jawatan Dr Mahathir baru-baru ini. Dengan pujukan ahli MT, Dr Mahathir diumumkan meneruskan jawatannya.

Dr Mahathir adalah seorang pemimpin yang bertanggungjawab dan sekiranya beliau dibenarkan menyudahi ucapan penggulangannya, kita dapat ketahui rancangan penuh peletakan jawatan beliau berserta langkah-langkah susulan untuk kesinambungan kepemimpinan Umno.

Namun, itu juga mungkin dilihat sebagai suatu risiko besar kepada Umno dan negara oleh MT yang menahan beliau daripada terus berucap. Maka, tidak dapatlah Dr Mahathir berehat sebelum hari jadi beliau bulan depan.

Ada hikmah di sebalik pengumuman Dr Mahathir itu yang kita sangka sebagai kejutan. Ahli-ahli Umno serta rakyat mula sedar kebenaran bahawa sememangnya Dr Mahathir mahu meletak jawatannya sejak empat atau lima tahun lalu.

Beliau terpaksa mengorbankan masa rehatnya kerana tugas berat yang perlu dilaksanakan bagi menghadapi cabaran hebat yang dihadapi negara pada masa itu. Kini keadaan sudah kembali stabil dan ini berkemungkinan mendorong beliau untuk meletakkan jawatan sekarang di mana peralihan kuasa pada peringkat parti dapat dilakukan dengan licin.

Memang amat susah untuk mendapatkan seorang pemimpin yang begitu berdedikasi kepada peningkatan kesejahteraan rakyat.

Memang amat susah untuk mewujudkan seorang pemimpin yang berani melakukan yang baik dan memperkatakan yang benar walaupun risiko politiknya tinggi.

Dr Mahathir bukan pemimpin politik semata-mata tetapi seorang negarawan serta pemimpin Islam yang sayangkan umatnya.

Sekiranya kita tidak membenarkan Dr Mahathir bersara, maka perlulah rakyat jelata, ahli Umno dan anggota kerajaan membantunya dalam menjaga negara ini.

Jangan setakat harapkan beliau saja yang bekerja keras sambil kita baring menikmati hasilnya atau hanya pandai mengkritik daripada kerusi yang empuk.

(END)